

10 keluarga diancam tebing runtuh

Oleh TOREK SULONG
berita@kosmo.com.my

PASIR PUTEH – Seramai 10 keluarga yang tinggal di pinggir tebing Sungai Bukit Abal dekat sini bimbang dengan keselamatan mereka yang diancam tebing runtuh terutamanya sepanjang musim tengkujuh tidak lama lagi.

Biarpun benteng batu telah dibina di tebing tersebut, ia tidak memberikan sebarang kesan disebabkan arus air yang deras setiap kali musim tersebut tiba.

Seorang penduduk, Zabidah Mat, 66, berkata, kesan banjir tahun lalu turut menyebabkan tebing terus terhakis berikutan arus air yang deras malah bakul batu yang dibina turut mendap ditelan bumi.

Katanya tahun ini kehim-

banan yang sama menghantui penduduk apabila runtuh tebing menyebabkan jarak rumah mereka dengan laluan air semakin hampir.

"Hendak pindahkan rumah ke kawasan lebih selamat, kami tidak mampu, apa lagi untuk membina benteng sendiri yang belum tentu kukuh untuk menahan arus deras musim banjir.

"Kami hanya mampu bertahan dan sentiasa berdoa agar tidak ditimpa musibah setiap kali musim banjir," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tuan Ismail Tuan Merah, 63, berkata, sebelum ini, dia pernah mengeluarkan perbelanjaan sendiri berjumlah RM6,000 untuk membuat benteng bagi mengelak kediamannya runtuh dan dihanyutkan arus sungai berkenaan.

Katanya usaha tersebut


sia-sia kerana arus deras meruntuhkan benteng tersebut tahun lalu.

"Keadaan sungai yang berliku-liku menyebabkan arus deras menerjah tebing. Keadaan ini membimbangkan kami.

"Hanya satu kaedah yang difikirkan boleh menyelesaikan masalah ini iaitu membangunkan semula struktur sungai menjadi lurus ke muara," katanya.

Abdul Rahman Zakaria, 59, pula berkata, penduduk terpaksa meletakkan guni pasir sebagai benteng bagi mengelak hakisan kerana bimbang rumah mereka boleh hanyut pada bila-bila masa.

Tambahnya, rumah yang didiami sejak 40 tahun lalu semakin terancam kerana hakisan berlaku hanya sejauh 0.2 meter dari bahagian dapur



ZABIDAH berdiri di belakang dapur rumahnya yang semakin hampir dengan tebing Sungai Bukit Abal di Pasir Puteh semalam